


# Kerana janji Iskandar

## Masih tetap di gelanggang bersara tetapi sebagai jurulatih



Arwah ibu saya selalu risau dan cemas setiap kali saya pulang daripada menyertai kejohanan... Saya berjanji kepada ibu tidak akan mewakili negara selepas kejohanan di Vienna.

— Iskandar Muda Abdul Jalil Rais

Oleh YUSOFF RAHMAN

**S**EKALI berjanji seusia dipatuhi. Apatah lagi sebaris janji telah diikrarkan di depan orang yang dikasihi, orang yang sentuhan jejernya mengalirkan erti sayang dan orang itu pula bernama ibu.

25 MAR 1990

Demi tuntutan janji tersebut, Iskandar Muda Abdul Jalil Rais dalam dukungan usia semula 24 tahun, usia yang masih tegap dan bertenaga, terpaksa mengundurkan langkah lalu bersara daripada pergelutan dalam medan antarabangsa.

Dalam silat olahraga, seorang pesilat boleh terus berjuang-tempur sehingga ke titik usia 35 tahun.

Tetapi Iskandar tidak mempunyai pilihan lain kecuali bersara.

Siapa dapat menafikan tentang hati ibu yang sentiasa tebal dengan kasih sayang dan lantaran curahan sayangnya itulah, arwah ibunya, Allahyarhamha Hajah Halimah Jaafar, selalu merayu agar Iskandar tidak mewakili negara dalam sukan ini.

Sedang arwah ibunya sedar tentang bakat anaknya yang pernah mengharumkan negara dalam sukan ini, telaga perasaannya mudah bergelodak dengan ombak haru setiap kali melihat Iskandar

pulang daripada kejohanan antarabangsa bersama kecederaan.

Adat berjuang terutama sekali dalam silat olahraga, ada saja bengkok dan luka pada anggota badan kerana ia adalah sebahagian daripada risiko yang terpaksa dihadapi.

"Arwah ibu saya selalu risau dan cemas setiap kali saya pulang daripada menyertai kejohanan," kata Iskandar menceritakan tentang keputusannya untuk bersara yang dibuatnya tiga tahun lalu.

Hari ini Iskandar yang berada dalam lingkungan usia 27 tahun, masih berada di gelanggang kerana adalah sukar memadamkan bara minat yang telah bernyala dalam jiwanya sejak bertahun-tahun lamanya tetapi sebagai jurulatih.

Bahkan, beliau yang dipertanggungjawabkan memimpin pasukan Singapura ke Pesta Sukan Merdeka Brunei baru-baru ini.

Kerana ibu tidak sanggup melihatnya badannya bengkok mahupun tergaris oleh kecederaan dan luka, maka dimintanya agar beliau jangan mewakili negara lagi.

Tetapi sebelum Iskandar memenuhi harapan ibunya itu, beliau telah menyertai kejohanan luar negeri buat kali terakhir pada 1986.

"Saya berjanji kepada ibu

tidak akan mewakili negara selepas kejohanan di Vienna," tambah Iskandar.

Sesungguhnya, sepulangnya dari Vienna, beliau menunaikan janjinya.

Setelah kembalinya ke Republik, Iskandar kemudian mendapati tahu ibunya yang tercinta telah menghembuskan nafasnya yang terakhir di Makkah dalam rangka menunaikan fardu hari di Arab Saudi.

Selain daripada soal janji, Iskandar menegaskan keputusannya untuk bersara juga ada kaitannya dengan kurangnya jurulatih yang berkebolehan dalam silat olahraga.

"Setelah berpeluang menyertai tiga kejohanan antarabangsa, maka adalah wajar bagi saya mencurahkan segala ilmu yang telah ditimba itu kepada pesilat-pesilat lain sebagai jurulatih," ujarnya.

Kali pertama beliau bertarung di luar gelanggang Republik ialah dalam Kejohanan Undang-Undang Olahraga dan Pesta Silat Antarabangsa yang berlangsung di Istora, Jakarta pada 1982.

Sedang pemergiannya dikaburi oleh pelbagai tanda tanya tentang keupayaannya tetapi kepeluangannya disambut dengan rasa kekaguman.

Anggota keluarganya seperti tidak percaya ada ka-





Berita Minggu

25 MAR 1990

**BETAPA GAGAHNYA PENDEKAR:** Iskandar menunjukkan satu demonstrasi silat olahraga yang telah diceburinya beberapa tahun lalu.

lungen pingat emas yang melilit lehernya sebagai bukti pencapaiannya di Jakarta itu.

Berita Minggu

Apa yang beliau ingat Persekutuan Silat Singapura (Persisi) tidak membuat seba-

rang pemilihan tetapi berkata sesiapa saja yang hendak mengikuti kejohanan tersebut terpaksa menampung perbelanjaan sendiri.

Seramai 15 pahlawan Singapura telah mencuba na-

sib. Antaranya termasuk Iskandar, Ali Muhammad, Rahman dan Sulaiman Waki-jo.

25 MAR 1990

Sebanyak 11 negara mengambil bahagian. Antaranya ialah Singapura, Malaysia, Indonesia, Yugoslavia, Belan-



da, Australia dan Austria.

Dalam perlawanan pembukaan untuk Kelas G, Iskandar menewaskan Dieter Rajik dari Jerman Barat 5-0, kemudian juara dua Indonesia, Iman Shah Gopek, 5-0 dan mengatasi cabaran juara satu Indonesia dari Bali dengan 3-2.

Dalam kejohanan tersebut, Singapura pulang dengan membawa sebutir emas dan empat gangsa.

Dua tahun kemudian, Iskandar berkunjung lagi ke Jakarta dengan bertarung lagi dalam Kelas G.

Tetapi kali ini, beliau yang dilanda demam panas pada pertandingan akhir, tewas di tangan seorang peserta Perancis berkulit hitam.

"Saya terpaksa berpuas dengan pingat perak saja," jelas Iskandar yang mula diperkenalkan kepada silat pengantin pada 1976 sebelum meneroka silat olahraga.

Pada 1986, hatinya berbelah bagi untuk menyertai Kejohanan di Vienna, Austria. Antara keinginan untuk mengambil bahagian dengan

muzik rayuan yang didegunkan oleh ibunya, membuat beliau terdampar dalam lembah serba-salah.

Begitupun, beliau menyertai tiga rakannya yang lain — Azrin Abdul Rahim, Zahri Hassar dan Raja Ahmad Raja Yusoff — ke Vienna.

Tetapi dalam kejohanan kali ini, Iskandar mara sekarang peringkat separuh akhir sebelum tersekat selepas itu.

Beliau juga tidak lupa menceritakan tentang bagaimana beliau berentap dengan seorang ahli kungfu dari kumpulan Nam Wangpai dalam satu pertandingan di Stadium Gay World dengan kesudahan tidak siapa disyitiharkan sebagai pemenang.

Hari ini, Iskandar yang juga memberitahu beliau pernah membantah undang-undang yang menghalang jurulatih daripada bertanding dalam kejohanan setempat, ingin menumpukan segenap perhatiannya sebagai jurulatih silat yang berjaya.

Hari ini, jika diberi peluang untuk bertanding, saya menaruh keyakinan Iskandar barangkali sedia mengatur langkahnya lagi.

Tetapi beliau masih terikat dengan tali janji — sekali berjanji seusia dipatuhi.